

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (34)
Tarikh : 03 Disember 2015

**Ketua Pengarah
Makkal Osai**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK "TIADA SEORANG PUN
PEGAWAI PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI KUIL KAWASAN AYER TAWAR: PERLU
TINDAKAN JPN – SRI NARAYANAN" BERTARIKH 2 DISEMBER 2015, RABU– M.S: 5**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkit oleh Encik Sri Narayanan berkenaan kekurangan Penolong Pendaftar Perkahwinan yang berdaftar dengan JPN di Daerah Manjung, Perak.

3. Hasil semakan mendapati hanya terdapat dua Penolong Pendaftar Perkahwinan yang berdaftar dengan JPN dan masih aktif di Daerah Manjung iaitu Kuil Sri Subramaniam Paripalana Sabah dan Persatuan Dewa Sri Subramaniam. Sehingga kini JPN tidak pernah menerima sebarang permohonan baru daripada wakil-wakil persatuan atau kuil untuk menjadi Penolong Pendaftar Perkahwinan di daerah tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN menasihatkan agar Ahli Jawatankuasa Kuil di Daerah Manjung untuk hadir ke JPN berhampiran atau menghubungi Bahagian Perkahwinan dan Perceraian JPN Perak di talian 05-5288805 atau 05-5288806 bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan prosedur permohonan Penolong Pendaftaran Perkahwinan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)